

**“SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG:
ASAS KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA”**
(7 September 2018M / 26 Zulhijjah 1439H)

الحمد لله، الحمد لله الذي أمرنا بالاستجابة، وحثنا على بلوغ الفضل والإنابة، أحمدته سبحانه وأشكره على نعمة التوفيق وطريق السعادة، وأشهد أن لا إله إلا الله وحده لا شريك له في التمسك والصلاة والعبادة، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله علمنا منهج الرشاد والقيادة، اللهم صلِّ وسلِّم وبارك على سيدنا محمد خاتم الأنبياء والمرسلين وعلى آله وصحبه أُولي العزم والسيادة.

أما بعد: فيا عباد الله، أوصيكم ونفسي بتقوى الله جلّ وعلا، اتقوا الله حق التقوى، فقد أمرنا ربنا بذلك في كتابه الكريم حيث قال:

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bersempena hari Jumaat yang mulia ini, saya berpesan kepada diri saya dan menyeru hadirin yang dikasihi sekalian, marilah kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah ﷻ dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita beroleh keberkatan hidup di dunia dan di akhirat. Bersempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima Belas Sultan Muhammad Kelima, maka khutbah hari ini akan membicarakan tajuk: **“SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG: ASAS KESTABILAN DAN KEMAKMURAN NEGARA”**.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sesebuah negara memerlukan kepimpinan untuk kesempurnaan pentadbiran agar menjadi lebih teratur dan berjaya dalam setiap bidang. Menurut Islam, kedudukan seseorang pemimpin lebih mulia dan tinggi kerana mereka ini disyariatkan bagi menggantikan tugas kenabian dalam memelihara agama dan mentadbir urusan umat Islam. Imam al-Mawaradi (الماوردي) dalam kitabnya al-Ahkam al-Sultaniyah (الأحكام السلطانية) menjelaskan: “*Tugas pemimpin negara adalah menjaga hal ehwal agama dan mentadbir urusan dunia.*”

Dalam konteks negara Malaysia pada hari ini, kita sedia maklum bahawa Bahagian Empat Bab Satu Perlembagaan Persekutuan menyatakan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Utama Negara bagi Persekutuan yang dilantik melalui persetujuan Majlis Raja-Raja. Lafaz sumpah jawatan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong mencakupi ikrar taat setia pada menjalankan pemerintahan dengan adil sebagaimana undang-undang dan perlembagaan serta memelihara agama Islam.

Justeru itu, perlu diperingatkan kepada diri kita sebagai rakyat jelata betapa pentingnya kesetiaan terhadap Raja dan negara. Malah ini menepati salah satu prinsip dalam iktikad *Ahlu Sunnah wal Jama'ah* iaitu mentaati dan menghormati pemimpin. Firman Allah ﷻ dalam Surah an-Nisa' ayat 59,

﴿يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ فَإِن تَنَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِن كُنتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada *Ulil-Amri* (orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (Kitab) Allah

(AlQuran) dan (Sunnah) Rasul-Nya - jika kamu benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.”

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Namun kebelakangan ini, institusi Raja yang sepatutnya dihormati berhadapan cabaran dengan usaha-usaha untuk mengganggu institusi tersebut terutama di media sosial. Terdapat banyak isu yang dilontarkan belum dipastikan kesahihannya apatah lagi yang tidak mempunyai mana-mana sandaran mahupun bukti. Hal ini bukan sahaja menyebabkan kemudaratan dan mengganggu kemaslahatan rakyat, malah pada masa yang sama memberi kegembiraan kepada golongan-golongan yang menolak sistem kerajaan raja berperlembagaan dan Islam sebagai agama persekutuan.

Sehubungan dengan itu, marilah kita bersatu menjauhkan diri kita daripada terperangkap dan terpengaruh dalam isu seumpama ini. Sebagai seorang muslim, hendaklah kita berpegang teguh kepada prinsip syariat Islam iaitu memerintahkan supaya kita menjaga lisan dan menahan diri agar tidak menulis dan menyatakan perkara-perkara yang tidak ada bukti kebenarannya. Peringatan ini jelas dirakamkan oleh Allah ﷻ melalui firmanNya dalam Surah al-Isra' ayat 36 :

﴿وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ السَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْئُولًا﴾

Ertinya: “Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya”.

Dan hal ini juga diperingatkan oleh Baginda Nabi ﷺ melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Bukhari dan Muslim :

عن ابن مسعود رضي الله عنه قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم: "...وإياكم والكذب، فإن الكذب يهدي إلى الفجور، وإن الفجور يهدي إلى النار"

Mafhumnya: “Daripada Ibn Mas’ud رضي الله عنه berkata: Bahawa Rasulullah صلى الله عليه وسلم telah bersabda: “...dan janganlah sesekali kamu melakukan perkara dusta, maka bahawasanya melakukan perkara dusta membawa kepada perbuatan maksiat dan perbuatan maksiat membawa kepada neraka”

Dengan itu, kita amat bersyukur kepada Allah سبحانه وتعالى kerana memelihara Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan negara ini daripada sebarang ancaman. Situasi ini tidak lain dan tidak bukan adalah disumbangkan oleh nilai sifat hikmah, tegas, bijaksana, adil, saksama dan keupayaan tinggi Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam mengharungi cabaran dengan berkesan. Bukan itu sahaja, sokongan padu barisan pembesar dan penasihat negara termasuk para ulama dan dan cendikiawan Islam yang mengurus tadbir dengan cemerlang, meneguhkan lagi kedudukan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Kejayaan negara khususnya menjadi pelopor kepada penubuhan universiti Islam, Tabung Haji, pengurusan sistem kewangan dan perbankan Islam terunggul serta peneraju halal dunia yang ternyata memberi manfaat kepada ummah keseluruhannya, adalah hasil pemikiran ulama yang ingin melihat negara berpaksikan kejayaan dan kesejahteraan. Inilah sumber kekuatan ummah bila wujudnya hubungan erat antara *umara'* (pemimpin) dan ulama, negara akan dilimpahi rahmat dan kebaikan.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mimbar ingin menegaskan kepada jemaah dan seluruh umat Islam sekalian, bahawa kedaulatan Islam dan kemajuan negara adalah berasaskan kepada kekuatan kepimpinannya. Sayugia itu, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara sama ada dari segi keperibadiannya atau dalam menjalankan bidang

kuasa untuk menjaga negara dan kesucian agama Islam, dikagumi oleh pelbagai lapisan rakyat jelata. Rakyat menjunjung kasih dan merafak sembah atas keperihatinan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam memartabatkan agama Islam, memajukan negara dan membantu kehidupan rakyat agar dapat hidup dengan aman dan harmoni dalam perkembangan dunia semasa.

Mimbar menyeru sidang jemaah sekalian serta seluruh rakyat jelata agar mendoakan kesejahteraan berpanjangan **Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kelima Belas Sultan Muhammad Kelima** sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Rasmi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Tuanku pada 9 September 2018 bersamaan hari Ahad, 28 Zulhijjah 1439 hijri.

Mengakhiri khutbah pada minggu ini, mimbar ingin menyimpulkan bahawa:

- Pertama:** Prinsip kesetiaan kepada Raja dan Negara adalah menepati syariat Islam.
- Kedua:** Gejala fitnah boleh menghancurkan kedaulatan bangsa dan negara serta tanda hilangnya iman seseorang.
- Ketiga:** Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara yang mempunyai keperibadian tinggi dalam menjalankan bidang kuasa menjaga negara dan kesucian agama Islam.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ الَّذِينَ إِنْ مَكَّنَّاهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقَامُوا الصَّلَاةَ وَآتَوُا الزَّكَاةَ وَأَمَرُوا بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ ۗ وَاللَّهُ عَلِيمٌ غَلُوبٌ ﴾

Maksudnya: “Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari

melakukan kejahatan dan perkara mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.” (Surah Al-Hajj:41)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا
وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ
وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِرْغَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرُوا. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَذْنَانِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقُرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالتَّمُكِينَ وَالتَّابِعِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالتَّمُكِينَ وَالتَّابِعَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَانصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ انصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيَّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوَحِّدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمُكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَيَّ عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ
مَلِكِنَا؛

كباوه دولي يغب مها موليا سري فادوك بكيندا يغب دقرتوان أكوغ كليا بلس

سلطان محمد كليا وعلى كليل قرابته أجمعين

أصْلَحَ اللهُ مُلْكَهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيَّضَ لَهُ عَدْلَهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ
الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزْرَائِهِ سَبِيلاً وَمِنْهَاجًا. وَارزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ لِكُلِّ خَيْرٍ
وَاجْعَلْهُمْ سِرَاجًا وَهَاجًا. اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيْبَةً آمِنَةً
مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِّفْنَا
جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ مُحَمَّدٍ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا
بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذُكِّرْكُمْ، وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.